

TINJAUAN KELAS PERALIHAN DI MALAYSIA

SUATU KAJIAN
UNTUK MENILAI
KEBERKESANANNYA

RINGKASAN EKSEKUTIF

Satu Inisiatif oleh :



Educational, Welfare & Research Foundation Malaysia
(Yayasan Pelajaran, Kebajikan, & Penyelidikan Malaysia)

APRIL 2012

Tinjauan Kelas Peralihan di Malaysia Suatu Kajian untuk Menilai Keberkesanannya

Disediakan oleh :

Professor Dr N. S. Rajendran
Dr. Mahendran Maniam
Pn. Shanthi Periasamy
Dr. Ramesh Rao
Dr. Karthiyaini Devarajoo
Pn. Jeya Velu

Ringkasan Eksekutif



**Educational, Welfare &
Research Foundation**

April 2012

Tinjauan Kelas Peralihan di Malaysia: Suatu Kajian untuk Menilai Keberkesanannya

1.0 Pendahuluan

Isu kelas peralihan sering mendapat perhatian para guru, ibu bapa dan masyarakat secara umumnya. Kelas peralihan diperkenalkan dengan objektif untuk menyediakan platform dalam usaha meningkatkan serta mengukuhkan penguasaan bahasa dan komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar daripada sekolah vernakular (Melayu, Cina, dan Tamil) sebelum mereka meneruskan pembelajaran di sekolah menengah. (Akta Pendidikan 1996)

Dalam konteks kelas peralihan pada masa kini, pelbagai keluhan serta persoalan diutarakan oleh pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam isu kelas peralihan. Ketidakpuasan ini berpunca daripada pendekatan di mana pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi yang baik dalam mata pelajaran bahasa dalam peperiksaan UPSR sahaja dibenarkan melangkah ke tingkatan satu. Pelajar-pelajar yang dianggap lemah dalam mata pelajaran bahasa pula terpaksa mengikuti kelas peralihan. Situasi ini menimbulkan beberapa isu yang lain. Isu pertama ialah pelajar-pelajar yang mengikuti kelas peralihan kerana penguasaan bahasa yang lemah dianggap kurang berkebolehan dari segi akademik berbanding dengan mereka yang berjaya ke Tingkatan satu. Ini menimbulkan ketidakpuasan dalam kalangan para pelajar dan ibu bapa kerana ada di antara pelajar-pelajar tersebut yang berprestasi baik dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik yang juga merupakan kayu pengukur kecemerlangan akademik.

Stigma sebagai pelajar-pelajar yang tidak berkebolehan boleh mematahkan semangat serta menjejaskan motivasi dalam kalangan pelajar-pelajar ini. Isu kedua pula melibatkan pelajar-pelajar yang sememangnya tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam semua mata pelajaran dan kurang bermotivasi untuk mencapai kejayaan dari segi akademik. Kebiasaannya kumpulan ini hanya bergaul sesama mereka selama satu tahun di mana wujud peluang bagi pelajar-pelajar

ini untuk menumpukan perhatian terhadap aktiviti yang lebih menyeronokkan berbanding dengan pendidikan formal di sekolah. Aktiviti-aktiviti ini berkait dengan permasalahan sosial yang semakin berleluasa pada masa kini. Penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti seumpama ini hanya akan melahirkan lebih ramai juvana delinkuen atau pelajar yang tercidir daripada sistem pendidikan sekolah. Situasi ini amatlah bercanggah dengan objektif pelaksanaan kelas peralihan oleh kerajaan.

Justeru itu, satu kajian empirikal yang terperinci mengenai kelas peralihan diperlukan untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian kelas peralihan disamping mengutarakan cadangan yang sesuai bagi pengubahsuaian kelas peralihan di Malaysia.

2.0 Abstrak

Kajian bertajuk 'Tinjauan Kelas Peralihan di Malaysia: Suatu Kajian untuk Menilai Keberkesanannya' bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Kelas Peralihan(KP) dalam sistem pendidikan di Malaysia. Metodologi kajian ini adalah gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar, guru-guru, pentadbir-pentadbir sekolah, ibu bapa, tokoh politik, wakil-wakil NGO, organisasi-organisasi pendidikan serta media yang terpilih. Sejumlah 54 temubual yang melibatkan para pelajar, guru, pentadbir sekolah, ahli politik, wakil media, organisasi pendidikan dan NGO telah dijalankan. Data kuantitatif dikumpul melalui 548 soal selidik yang telah diedarkan kepada 414 pelajar, 40 guru, dan 94 ibu bapa. Skor Cronbach Alpha soal selidik yang telah diedarkan adalah 0.66, 0.30 dan 0.77 masing-masing untuk ibu bapa, pelajar dan guru. Antara penemuan utama kajian ini jelas membuktikan bahawa objektif KP tidak tercapai disebabkan kelemahan dalam pelaksanaan serta kurikulum KP yang kurang memberi tumpuan terhadap mata pelajaran penting seperti Sains dan Matematik. Pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan juga telah menekankan pendapat mereka bahawa KP harus dimansuhkan, dikaji semula atau dirombak. Penemuan kajian juga jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk memansuhkan KP kerana ia didapati sebagai saluran yang kurang efektif

dalam meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. Kajian ini menyarankan agar pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah Tamil diperkukuhkan supaya pelajar-pelajar dapat mencapai tahap penguasaan asas sebelum meninggalkan sekolah rendah.

3.0 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 3.1 Sejauh manakah kelas peralihan mencapai hasil yang dikehendaki?
- 3.2 Sejauh manakah sumber-sumber yang sedia ada membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas peralihan?
- 3.3 Apakah pencapaian yang diharapkan oleh pihak berkepentingan terhadap kelas peralihan?

4.0 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk memastikan data kedua-dua pendekatan mengukuhkan penemuan kajian. Pendekatan ini juga membolehkan data kualitatif dari pelbagai sumber digabungkan untuk mengenalpasti aliran dan pola yang selaras dengan data kuantitatif. Analisis data secara kuantitatif dan kualitatif pula dapat menyokong dan melengkapkan hasil penemuan kedua-dua pendekatan dalam kajian ini.

5.0 Ringkasan Hasil Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada kelas peralihan masih relevan dan patut diteruskan. Walaupun data yang dikumpul menunjukkan segelintir pelajar-pelajar yang pada amnya gembira dengan kelas peralihan dan arahan yang diberikan oleh guru yang mengajar serta memperolehi manfaat daripada kelas peralihan, beberapa isu sering dibangkitkan berkenaan status kelas peralihan

dan pelaksanaan kelas peralihan di sekolah-sekolah. Cadangan untuk mengkaji semula status kelas peralihan, kurikulum, buku teks dan tenaga pengajar turut disuarakan oleh pihak-pihak yang ingin meneruskan kelas peralihan. Mereka juga prihatin terhadap pengurusan dan pelaksanaan kelas peralihan di sekolah. Kesan negatif kelas peralihan dalam kalangan para pelajar akibat dipisahkan dari pendidikan arus perdana juga diutarakan oleh pihak tersebut. Mereka turut mencadangkan isu-isu ini harus dikupas serta diatasi secara objektif dan profesional.

Menurut kajian ini, pelajar-pelajar daripada sekolah vernakular wajib mengikuti kelas peralihan pada peringkat awal pelaksanaan kelas ini. Kelas peralihan diperkenalkan untuk memberikan kelas tambahan selama satu tahun kepada pelajar-pelajar tersebut sebagai inisiatif pemerikasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Walaupun bagaimanapun, timbul beberapa perubahan positif yang menyebabkan hanya sebilangan kecil pelajar-pelajar daripada sekolah vernakular yang mengikuti kelas peralihan di sekolah menengah. Antara inisiatif yang membawa perubahan tersebut adalah kebenaran membolehkan pelajar-pelajar yang mendapat minimum gred C dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan UPSR mara ke Tingkatan 1 tanpa mengikuti kelas peralihan. Ada juga situasi di mana sesetengah murid yang tidak berjaya untuk mendapatkan gred minimum C, berjaya ke tingkatan 1 dengan kelulusan daripada pengetua sekolah setelah menduduki satu ujian khas yang dijalankan oleh pihak sekolah. Malangnya, tiada garis panduan khusus untuk para pengetua sekolah berbuat demikian menyebabkan hanya sebilangan kecil murid-murid yang menerima manfaat daripada inisiatif sebegini.

Secara keseluruhannya, pihak berkepentingan memberi sambutan yang baik terhadap peningkatan inisiatif-inisiatif untuk mengurangkan bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti kelas ini. Malah, mereka ingin melihat lebih banyak pengurangan dalam bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti kelas peralihan.

Menurut analisis data kajian, terdapat banyak situasi di mana pelajar-pelajar yang mendapat keputusan A dan B untuk semua mata pelajaran tetapi tidak berjaya mendapat gred minimum C untuk Bahasa Malaysia diwajibkan mengikuti kelas

peralihan. Persoalannya adalah apakah punca pelajar-pelajar ini cemerlang dalam mata pelajaran lain tetapi bukannya Bahasa Malaysia. Timbul juga persoalan kenapa mereka yang cemerlang dalam mata pelajaran lain diwajibkan mengikuti kelas peralihan hanya disebabkan kegagalan dalam mencapai gred minima C dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia manakala semua murid daripada sekolah kebangsaan dibenarkan ke tingkatan satu tanpa mengambil kira gred dalam peperiksaan UPSR.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini tidak berminat mengikuti kelas peralihan atas alasan memilih untuk bersama-sama dengan rakan-rakan mereka daripada sekolah rendah dan juga mengelakkan diri daripada ketinggalan selama setahun. Malah, dua per tiga guru-guru kelas peralihan berpendapat bahawa pelajar-pelajar kelas peralihan sepatutnya dibenarkan ke tingkatan satu selewat-lewatnya selepas peperiksaan pertengahan tahun. Memandangkan mereka yang mengikuti kelas peralihan adalah dari sekolah vernakular, kebanyakan pelajar-pelajar ini adalah daripada satu etnik. Mereka secara tidak langsung, dipinggirkan daripada arus utama persekolahan selama satu tahun dan hanya bergaul sesama mereka. Ironiknyanya, pelajar-pelajar yang sepatutnya menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, hanya akan menggunakan bahasa ibunda mereka kebanyakan masa.

Dalam konteks ini, pengalaman guru-guru menuding kearah integrasi etnik yang rendah dalam kalangan pelajar-pelajar kelas peralihan. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi adalah minima dan memerlukan perhatian yang serius. Isu serius lain yang diutarakan oleh pihak berkepentingan adalah identiti diri dan tahap motivasi dalam kalangan murid kelas peralihan. Mereka rungsing dengan situasi di mana pelajar-pelajar ini "dialihkan" daripada aliran utama dan ditempatkan dalam situasi yang berbeza dan menjejaskan motivasi mereka. Sementara rakan-rakan mereka meneruskan pendidikan ke tingkatan satu, mereka "dialihkan" dan ditempatkan bersama pelajar yang "berprestasi rendah". Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti kelas peralihan ini rasa terpinggir dan didiskriminasi. Berdasarkan maklum balas daripada pihak berkepentingan, kebanyakan guru-guru yang mengajar di kelas peralihan mempunyai motivasi dan minat yang rendah.

Memandangkan kelas peralihan diperkenalkan sebagai usaha untuk memperkasakan pelajar-pelajar dari sekolah vernakular yang gagal untuk menguasai kemahiran dalam kedua-dua mata pelajaran ini, persoalan yang sering ditimbulkan adalah sama ada guru-guru yang mengajar kelas peralihan ini mendapat latihan yang secukupnya. Sebagai contoh, adakah guru-guru ini bersedia untuk mengajar Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua kepada pelajar-pelajar berbangsa India dan Cina. Dalam konteks ini, hampir kesemua pihak berkepentingan menyuarakan bahawa guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia dalam kelas peralihan haruslah terdiri daripada mereka yang boleh berkomunikasi dalam bahasa ibunda pelajar-pelajar tersebut.

Satu lagi persoalan yang ditimbulkan adalah sama ada guru-guru yang mengajar kelas peralihan dilatih untuk memberikan perhatian dan bimbingan secara spesifik. Malangnya, keperluan ini tidak dapat direalisasikan. Adalah mustahil bagi guru-guru yang tidak terlatih ini memberi perhatian dan bimbingan kepada pelajar yang dianggap sebagai "pelajar berprestasi rendah". Walaupun guru-guru ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, apakah yang boleh dilakukan jika jumlah pelajar-pelajar dalam kelas peralihan adalah sama dengan kelas-kelas yang lain? Bagaimanakah kita boleh mengharapkan perubahan yang signifikan dicapai tanpa mengambil langkah-langkah yang sepatutnya.

Pihak berkepentingan juga mengutarakan kebimbangan mereka terhadap sukatan pelajaran atau kurikulum yang digunakan dalam kelas peralihan. Walaupun mata pelajaran Sains dan Matematik telah digabungkan dalam kurikulum bahasa, isu kedua-dua mata pelajaran ini tidak diajar untuk jangka masa setahun menimbulkan kebimbangan dan persoalan. Persepsi umum pihak berkepentingan seperti media massa dan ahli politik yang telah diambil kira dan dianalisa dalam kajian ini menyarankan agar kurikulum kelas peralihan dikaji dan dirombak semula. Antara saranan tersebut adalah untuk merangkumkan mata pelajaran teras. Selain itu, ada juga saranan untuk mengkaji semula buku teks agar kandungannya lebih kontemporari dan merangkumi latihan/aktiviti pengukuhan yang lebih menyeluruh.

6.0 Cadangan

Para pengkaji ingin mengutarakan beberapa cadangan berdasarkan data yang dikumpul, dianalisa dan ditafsirkan untuk kajian ini.

6.1 Pemansuhan Kelas Peralihan Secara Berperingkat

Pemansuhan kelas peralihan haruslah dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Januari 2013 dan dimansuhkan sepenuhnya sebelum Disember 2015. Pelajar-pelajar haruslah dibenarkan untuk meneruskan pendidikan ke tingkatansatu. Mereka harus dibenarkan untuk meneruskan pendidikan dalam aliran utama dan diberikan peluang sama rata untuk belajar dan bergaul seperti rakan-rakan sebaya yang lain.

Pelajar-pelajar ini yang gagal untuk menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris walaupun selepas menghadiri kelas pemulihan perlu ditempatkan di semua kelas Tingkatan satu di mana mereka berpeluang untuk bergaul dan belajar daripada rakan-rakan mereka yang berprestasi sederhana ataupun cemerlang. Lebih penting lagi adalah pendekatan ini akan membolehkan mereka didedahkan kepada penggunaan pelbagai bahasa dan budaya yang secara langsung dan tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran linguistik dan komunikasi yang lain.

Inisiatif-inisiatif berikut dicadangkan bersama cadangan utama dalam usaha menyediakan pendekatan yang menyeluruh bagi pemansuhan kelas peralihan secara berperingkat.

6.2 Program Intervensi

Pelajar-pelajar yang gagal menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris haruslah dikenalpasti pada peringkat awal lagi. Pelajar-pelajar ini haruslah dikenalpasti pada penghujung Tahun Tiga di sekolah rendah lagi bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa sistem ini disebabkan penguasaan Bahasa Malaysia dan

Bahasa Inggeris yang lemah. Ini adalah penting kerana 40 peratus daripada pelajar-pelajar yang menamatkan 6 tahun pembelajaran di sekolah Tamil gagal mendapat keputusan minimum gred C dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya kelemahan mereka dapat dikenalpasti pada peringkat awal, program intervensi dapat dijalankan agar bilangan pelajar-pelajar yang gagal untuk mendapatkan keputusan minimum gred C dalam Bahasa Malaysia dapat menjangkau kurang dari lima peratus.

6.3 Saiz Kelas

Untuk program intervensi, pelajar-pelajar yang ditempatkan dalam setiap kelas haruslah kurang daripada 25 orang. Ini adalah untuk memberikan masa dan ruang kepada guru-guru untuk memberi tumpuan terhadap setiap pelajar agar perubahan yang signifikan dapat dicapai.

6.4 Pendidikan untuk Guru

Guru-guru yang mengajar pelajar-pelajar di bawah program intervensi haruslah diberi latihan yang secukupnya agar mereka boleh memenuhi keperluan khas pelajar-pelajar ini. Guru-guru ini haruslah didedahkan kepada kursus-kursus pembangunan profesional. Pelajar-pelajar ini haruslah diberikan perhatian dan bimbingan yang secukupnya. Selain daripada itu, memandangkan bahasa ibunda kebanyakan murid-murid ini bukan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, kedua-dua mata pelajaran ini perlu diajar melalui strategi yang sesuai agar mereka dapat menguasai kemahiran bahasa yang diperlukan. Salah satu strategi adalah penggunaan pendekatan pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

7.0 Kesimpulan

Kajian yang bertujuan untuk menilai keberkesanan kelas peralihan merupakan inisiatif pertama untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai isu ini dan mengutarakan cadangan yang sesuai. Sejak dulu lagi, isu kelas peralihan mendapat

perhatian yang serius dalam kalangan pihak berkepentingan dan penemuan kajian pula menyokong kuat pemansuhan kelas peralihan secara berperingkat demi kebaikan masa depan pelajar-pelajar. Kumpulan pengkaji berharap agar cadangan yang diutarakan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab dan membuat perubahan yang diperlukan. Kumpulan pengkaji juga berpendapat bahawa perubahan-perubahan harus dilaksanakan kini memandangkan negara kita sedang melaksanakan Program Transformasi kerajaan yang juga merangkumi perubahan dalam bidang pendidikan.